Kertas 1

1 jam 30 minit

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B** *serta* **satu** *soalan daripada* **Bahagian C.**

Bahagian A
[20 *markah*]
[Masa dicadangkan : 30 *minit*]

Soalan 1 – 4
Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.**

1 Kesedaran awal _____ punca dan tanda kemurungan mampu mencegah dan merawat masalah ini daripada semakin melarat.
A akan **C** terhadap
B tentang **D** daripada

2 Pekerja itu sedang _____ pokok yang tinggi di tepi sebatang jalan raya.
A menghiris **C** memotong
B menebang **D** memangkas

3 Tunku Abdul Rahman dikenang sebagai "Bapa Kemerdekaan" kerana beliau merupakan _____ yang berjaya menuntut kemerdekaan negara kita daripada British.
A negarawan **C** sejarawan
B budiman **D** cendekiawan

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah.*

4 Sebelum mendirikan khemah, jurulatih memberikan _____ tentang cara-cara melipat kain anduh.
A tunjuk ajar
B tunjuk cara
C tunjuk bukti
D tunjuk sebab

Soalan 5 – 6
Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** *dan* **mungkin salah.** *Jika* **terdapat kesalahan,** *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A, B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D.**
Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

5 Sayembara penulisan cerpen yang diadakan (A) itu bertujuan untuk mengembang (B) potensi berbahasa secara kreatif (C) dalam kalangan murid. Tiada kesalahan (D).

6 Rakyat Malaysia tidak wajar (A) mengabaikan penggunaan bahasa Melayu agar jati diri (B) tetap utuh (C). Tiada kesalahan (D).

Soalan 7 – 8
Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

7 I *Tamparan* ombak di pantai itu sungguh kuat, terutamanya pada musim tengkujuh.
II Amran masih teringat *tamparan* ayahnya kira-kira dua tahun yang lalu apabila dia tertangkap kerana ponteng sekolah.
III Keputusan mahkamah yang memutuskan pengurus besar syarikat itu melakukan pecah amanah telah menjadi satu *tamparan* hebat terhadap reputasinya di syarikat itu.
IV Bola itu telah memecah jaring gol setelah penyerang pihak lawan berjaya melakukan *tamparan* yang sungguh deras menyebabkan penyokong bersorak kegembiraan.
A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS